

NO. SOALAN: 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]**

**TARIKH : 27.07.2017**

**SOALAN : 78**

**Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes berprofil tinggi yang disiasat oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 2012, 2013, 2014, 2015, 2016 dan tujuh bulan pertama 2017.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat setiap kesalahan rasuah dengan adil tanpa membezakan kedudukan, fahaman politik atau sektor yang terlibat. SPRM mengambil tindakan tegas yang sewajarnya terhadap mereka yang terlibat dalam rasuah seperti yang diperuntukkan dalam Akta SPRM 2009.

Namun demikian, terdapat beberapa kes yang telah menarik minat masyarakat dan telah menjadi perhatian umum ekoran liputan luas media seperti:

1. Ketua Menteri Pulau Pinang;
2. Exco Kerajaan Negeri Johor;
3. Ketua Pegawai Eksekutif atau Pengarah Urusan Tabung Haji Heavy Industry;
4. Ketua AMK Ampang;
5. Bekas pemain bola sepak Kebangsaan;
6. Pengarah Besar dan Timbalan Pengarah Besar FELDA;
7. Pengarah Jabatan Kerja Raya Melaka
8. Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Bank Rakyat;
9. Pengarah dan bekas Timbalan Pengarah Jabatan Air Sabah;

Untuk makluman Yang Berhormat, semua maklumat ini boleh diperolehi melalui portal rasmi dan Facebook SPRM, selain hebahan-hebahan berita di media-media perdana.

Sekian, terima kasih.